

**LAPORAN KAJIAN AKHIR
CADANGAN REKABENTUK DALAMAN
PUSAT KOMUNITI REMAJA Xfresh
DI NO 1077 JALAN BRASH, TAMAN REKREASI SULTAN ABDUL AZIZ,
30350 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
UNTUK Xfresh MALAYSIA'S PREMIER TEEN COMMUNITY**

Oleh :

NORASIKIN KHALID

2001437103

**PROGRAM SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SERI ISKANDAR, PERAK
NOVEMBER 2004 – MEI 2005**



PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Remaja didefinisikan sebagai masa peralihan dari masa kanak-kanak ke masa dewasa. Batasan usia remaja menurut WHO (badan PBB untuk kesehatan dunia) adalah 12 sampai 24 tahun. Namun jika pada usia remaja seseorang sudah berkahwin, maka ia termasuk dalam golongan dewasa atau bukan lagi remaja. Sebaliknya, jika usia sudah bukan lagi remaja tetapi masih tergantung pada orang tua, maka dimasukkan ke dalam kelompok remaja.

Belia atau remaja - satu golongan penting dalam masyarakat bukan sahaja kerana bilangannya (yang berjumlah lebih 10 juta), akan tetapi kerana mereka merupakan penyambung usaha yang dirancang dan dilaksanakan hari ini.

Mereka lah yang akan meneruskan perjuangan ini supaya negara muncul sebagai sebuah negara maju di abad-abad mendatang. Kaum remaja akan mengambil alih teraju kepimpinan negara, menjadi sumber tenaga mahir untuk menggerakkan sektor perindustrian dan mendirikan benteng pertahanan negara. Remaja boleh dijadikan asset kepada masyarakat atau sebaliknya boleh juga menjadi satu bebanan. Apa yang telah berlaku kebelakangan ini menyebabkan kita harus berasa bimbang. Malah kehadiran mereka kadang kala menimbulkan masalah dan jika tidak diatasi, ia boleh mendarangkan ancaman kepada kehidupan masyarakat umum.

Secara amnya peranan belia atau remaja dalam sesebuah negara yang sedang membangun adalah besar dan berbilang. Mereka boleh melibatkan diri dalam semua bidang aktiviti pembangunan. Di mana juga mereka berada di Bandar atau pun didesa.



Untuk penglibatan ini sikap mereka perlu diorientasikan, iaitu supaya sesuai dengan kehendak semasa.

Hingga kini, kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Kementerian Belia & Sukan, telah banyak merancang dan melaksanakan program dan projek untuk pembangunan belia. Antaranya termasuklah program Rakan Muda, projek kepimpinan belia, aktiviti usahawan remaja dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kepada projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan untuk faedah masyarakat belia hari ini, nyata sekali bahawa masyarakat remaja sedang diberi pimpinan dan bimbingan supaya mereka lebih sedia untuk menjayakan kehidupan mereka sambil boleh menerima tugas-tugas yang lebih mencabar lagi di masa hadapan.

Hasrat dan cita-cita masyarakat belia adalah tinggi. Mereka sedang berusaha memenuhi peranan sebagai barisan pengganti generasi sekarang dan juga sebagai penyambung usaha-usaha yang telah dirancang dan dimulakan pelaksanaanya hari ini. Peranan ini merupakan satu cabaran yang maha besar dan penting kepada mereka ... satu cabaran yang harus mereka terima demi masa depan negara dan juga masyarakat belia sendiri.

Peranan masyarakat belia merangkumi bidang-bidang kehidupan masyarakat. Jika hari ini peranan utama mereka adalah untuk memahami dan menghayati usaha-usaha membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara dan bangsa, maka di masa mendatang peranan mereka pula berubah kepada menentukan bahawa apa yang dirancang hari ini akan dapat disambung di zaman muka.



Ini semua adalah untuk masyarakat belia dan remaja negara ini. Untuk menentukan bahawa masa depannya, dan juga masa depan negara dan bangsa akan lebih cemerlang, lebih sejahtera dan lebih dinamik.



Penghargaan i

Abstrak iii

BAB 1 PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan 2
1.1	Latar Belakang Projek 5
1.2	Skop Projek 10
1.3	Objektif Projek 13
1.4	Matlamat Projek 15
1.5	Methodologi Kajian 17
1.6	Kajian Kes 20

BAB 2 LATAR BELAKANG KLIEN	
2.0	Pendahuluan 31
2.1	Latar Belakang Klien (XFRESH) 32
2.2	Carta Organisasi Klien 39
2.3	Sistem Operasi 43
2.4	Cadangan Ruang Oleh Klien 49